

JAWATANKUASA AUDIT

KEAHLIAN

1. Jawatankuasa mestilah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para pengarah dan perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - (a) Jawatankuasa mesti dianggotai oleh tidak kurang daripada 3 orang ahli.
 - (b) Jawatankuasa secara majoriti hendaklah terdiri daripada pengarah bebas; dan
 - (c) Sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa:
 - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
 - (ii) isekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan:
 - (aa) beliau mesti mempunyai kelulusan dalam peperiksaan yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (bb) beliau mesti merupakan ahli salah sebuah badan akauntan yang termaktub di dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
2. Para ahli Jawatankuasa perlu melantik seorang Pengerusi diantara mereka yang merupakan pengarah bebas.
3. Pengarah bersilih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa.
4. Sekiranya terdapat kekosongan dalam Jawatankuasa yang menyebabkan tidak patuhnya pada kehendak-kehendak penyenaian Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai komposisi Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah hendaklah mengisikan kekosongan tersebut dalam jangkamasa tiga bulan daripada kejadian tersebut.
5. Bidang tugas dan prestasi Jawatankuasa serta setiap ahlinya hendaklah dinilai oleh Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya tiga tahun sekali untuk mengenalpasti sama ada Jawatankuasa dan ahli-ahlinya telah melaksanakan tanggungjawab mereka berdasarkan Syarat-Syarat Rujukan.

MESYUARAT

Kekerapan

- 1 Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun.
- 2 Atas permintaan Juruaudit Luar, Pengerusi Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang difikir perlu dibangkitkan oleh Juruaudit Luar kepada para pengarah atau pemegang saham syarikat.

Korum

- 1 Korum hendaklah terdiri daripada majoriti pengarah bebas.

Setiausaha

- 1 Setiausaha Syarikat adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa dan sekiranya beliau tidak hadir, individu lain yang diiktiraf oleh Pengerusi Jawatankuasa akan dilantik.

Kehadiran

- 1 Pengawal Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil juruaudit luar biasanya hadir di mesyuarat.
- 2 Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain dan lain-lain pekerja juga boleh menghadiri mesyuarat jika dijemput oleh Jawatankuasa, khusus kepada mesyuarat yang relevan.
- 3 Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun, Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran oleh ahli Lembaga Pengarah eksekutif.

Tatacara Laporan

- 1 Minit setiap mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli Lembaga Pengarah.

Tatacara Mesyuarat

Jawatankuasa boleh menyeliakan tatacara tersendirinya terutama mengenai:-

- (a) keperluan mengadakan mesyuarat;
- (b) tempoh notis mesyuarat;
- (c) cara mengundi dan atur cara mesyuarat;
- (d) catitan minit mesyuarat; dan
- (e) hak, penyediaan dan pemeriksaan minit mesyuarat.

BIDANG KUASA

Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya perlu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah:

- (a) diberikan kuasa untuk menyiasat sebarang hal atau urusan yang tertakluk dalam Syarat-syarat Rujukan;
- (b) diberikan sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugas;
- (c) diberi laluan tanpa halangan untuk mendapatkan sebarang maklumat Syarikat;
- (d) disediakan saluran komunikasi secara terus dengan Juruaudit Luar atau kakitangan Syarikat yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- (e) diberikan kuasa untuk memperolehi khidmat nasihat profesional bebas atau khidmat perunding yang lain; dan
- (f) boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar jikalau perlu, tanpa kehadiran ahli Jawatankuasa Eksekutif.

FUNGSI

Antara fungsi-fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji bersama juruaudit luar:
 - (a) pelan audit;
 - (b) penilaiannya terhadap sistem kawalan dalaman;
 - (c) laporan auditnya, dan
 - (d) surat pengurusannya serta jawapan dari pihak pengurusan
2. Untuk mengkaji:
 - (a) kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar;
 - (b) keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun sebelum dicadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Tumpuan perlu diberikan kepada:
 - (i) anggapan usaha berterusan;
 - (ii) pindaan atau pelaksanaan polisi perakaunan baru yang utama;
 - (iii) peristiwa yang luar biasa dan penting; dan
 - (iv) pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan yang lain.
 - (c) sebarang urusanniaga antara pihak berkaitan dan kedudukan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau kumpulan termasuk sebarang urusanniaga, prosedur atau cara pengendalian yang menimbulkan pelbagai persoalan atau mencabar ketulusan pihak pengurusan.
3. Dalam perihal pelantikan juruaudit luar:
 - (a) sama ada wujudnya sebab (disokong oleh asas yang kukuh) untuk mempercayai bahawa juruaudit luar adalah tidak sesuai untuk dilantik semula;
 - (b) menimbangkan pencalonan individu atau individu-individu sebagai juruaudit luar dan yuran audit; dan
 - (c) menimbangkan persoalan perletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar.
4. Dalam perihal fungsi audit dalaman:
 - (a) untuk menilai kelengkapan skop, fungsi dan sumber juruaudit dalaman dan tahap kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugas mereka;
 - (b) untuk menilai program audit dalaman, proses, hasil keputusan daripada audit dalaman, proses atau siasatan yang telah diambil dan sama ada tindakan yang sewajarnya diambil seperti yang dicadangkan oleh fungsi audit dalaman;
 - (c) untuk menilai penaksiran atau penilaian prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - (d) untuk meluluskan pelantikan atau pemecatan ahli-ahli kanan fungsi audit dalaman; dan
 - (e) untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa sebarang perletakan jawatan ahli juruaudit dalaman dan memberi peluang kepada ahli tersebut untuk menyatakan alasan keatas perletakan jawatan tersebut.
5. Membuat laporan dengan serta-merta kepada Bursa Saham Kuala Lumpur sekiranya terdapat perkara yang telah dilaporkan kepada Lembaga Pengarah tidak dapat diselesaikan secara memuaskan sehingga menyebabkan tidak patuhnya kepada Kehendak-kehendak Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur.
6. Melaksanakan fungsi-fungsi lain yang diiktiraf oleh Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah.

AUDIT COMMITTEE

MEMBERSHIP

1. The Committee shall be appointed by the Board of Directors amongst the Director's of the Company which fulfills the following requirements:-
 - (a) the Committee must be composed of no fewer than 3 members;
 - (b) a majority of the Committee must be independent directors; and
 - (c) at least one member of the Committee:
 - (i) must be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or
 - (ii) if he is not a member of the Malaysian Institute of Accountants, he must have at least 3 years' working experience and:
 - (aa) he must have passed the examinations specified in Part 1 of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or
 - (bb) he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.
2. The members of the Committee shall elect a Chairman from among themselves who shall be an independent director.
3. No alternate director should be appointed as a member of the Committee.
4. In the event of any vacancy in the Committee resulting in the non-compliance of the listing requirement of the Exchange pertaining to composition of audit committee, the Board of Directors shall within three months of that event fill the vacancy.
5. The terms of office and performance of the Committee and each of its members must be reviewed by the Board of Directors at least once every 3 years to determine whether the Committee and its members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

MEETINGS

Frequency

- 1 Meetings shall be held not less than four times a year.
- 2 Upon the request of the external auditor, the Chairman of the Committee shall convene a meeting of the Committee to consider any matter the external auditor believes should be brought to the attention of the Directors or shareholders.

Quorum

- 1 A quorum shall consist of a majority of independent directors.

Secretary

- 1 The Company Secretary shall be the Secretary of the Committee or in his absence, another person authorised by the Chairman of the Committee.

Attendance

- 1 The Financial Controller, the Head of Internal Audit and the representative of the external auditor shall normally attend meetings.
- 2 Other Directors and employees may attend any particular meeting only at the Committee's invitation, specific to the relevant meeting.
- 3 At least once a year, the Committee shall meet with the external auditors without any executive Board members present.

Reporting Procedure

- 1 The minutes of each meeting shall be circulated to all members of the Board.

Meeting Procedure

The Committee shall regulate its own procedure, in particular:-

- (a) the calling of meetings;
- (b) the notice to be given of such meetings;
- (c) the voting and proceedings of such meetings;
- (d) the keeping of minutes; and
- (e) the custody, production and inspection of such minutes.

RIGHTS

The Committee in performing its duties shall in accordance with a procedure to be determined by the Board of Directors:

- (a) have authority to investigate any matter within its terms of reference;
- (b) have the resources which are required to perform its duties;
- (c) have full and unrestricted access to any information pertaining to the Company;
- (d) have direct communication channels with the external auditor and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- (e) be able to obtain independent professional or other advice; and
- (f) be able to convene meetings with external auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

FUNCTIONS

The Committee shall, amongst others, discharge the following functions:

1. To review with the external auditors:
 - (a) the audit plan;
 - (b) his evaluation of the system of internal controls;
 - (c) his audit report; and
 - (d) his management letter and management's responds.
2. To review:
 - (a) the assistance given by the Company's employees to the external auditor;
 - (b) the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the Board of Directors, focusing particularly on :-
 - (i) the going concern assumption;
 - (ii) changes in or implementation of major accounting policy changes;
 - (iii) significant and unusual events; and
 - (iv) compliance with accounting standards and other legal requirements.
 - (c) any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions or management integrity.
3. In respect of the appointment of external auditors:
 - (a) to review whether there is reason (supported by grounds) to believe that the external auditors is not suitable for reappointment;
 - (b) to consider the nomination of a person or persons as external auditors and the audit fee; and
 - (c) to consider any questions of resignation or dismissal of external auditors.
4. In respect of the internal audit function:
 - (a) to review the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit function and that it has the necessary authority to carry out its work;
 - (b) to review the internal audit programme, processes, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function;
 - (c) to review any appraisal or assessment of the performance of members of the internal audit function;
 - (d) to approve any appointment or termination of senior staff members of the internal audit function; and
 - (e) to inform itself of any resignation of internal audit staff member and provide the resigning staff member an opportunity to submit his reasons for resigning.
5. To promptly report such matter to the Exchange if the Committee is of the view that the matter reported by it to the Board of Directors has not been satisfactorily resolved resulting in a breach of the Listing Requirements.
6. To carry out such other functions as may be agreed to by the Committee and the Board of Directors.